

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dengan kehadiran varian Delta COVID-19:-

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan suntikan tambahan (*booster shot*) atau suntikan ketiga bagi mereka yang telah diberi vaksin sepenuhnya; dan
- (b) adakah Kerajaan telah memulakan mana-mana perbincangan baharu dengan pembekal vaksin bagi bekalan suntikan tambahan seumpamanya untuk Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pada 19 September 2021 bahawa kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 bagi meningkatkan perlindungan kepada golongan rentan daripada risiko jangkitan COVID-19.
2. Keutamaan akan diberikan kepada kumpulan yang berisiko tinggi terlebih dahulu seperti anggota barisan hadapan kesihatan, pesakit kurang daya tahan imun (*immunocompromised*), warga tua dengan

komorbiditi dan individu yang tinggal atau bekerja di pusat jagaan jangka panjang (*long-term care facilities*).

3. Seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Kesihatan pada 19 September 2021, pemberian dos ketiga vaksin COVID- 19 dijangka akan dilaksanakan pada awal bulan Oktober 2021 kerana imunisasi populasi dewasa sudah mencapai lebih daripada 80%. Bagi tujuan tersebut, panel pakar perubatan dan kesihatan sedang membangunkan garis panduan pelaksanaan pemberian dos ketiga dan pada yang sama permohonan untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sedang dilaksanakan.

4. **Dos ketiga bermaksud dos yang diberikan akibat dari kegagalan sistem tubuh untuk membina perlindungan yang secukupnya selepas menerima vaksin lengkap. Ini boleh berlaku ke atas pesakit yang mempunyai daya tahan tubuh yang lemah (*immunocompromised*), berisiko tinggi seperti menghadapi penyakit kronik dan lain- lain. Manakala dos penggalak (*booster*) bermaksud dos lain yang perlu diberikan kepada seseorang yang sebelumnya mendapat perlindungan yang mencukupi selepas vaksinasi lengkap namun perlindungan tersebut menurun dari masa ke semasa (*waning immunity*).**

5. Kementerian Kesihatan sedang dalam proses untuk memuktamadkan keperluan perolehan tambahan untuk kegunaan suntikan tambahan (*booster dose*) sebelum mengadakan perbincangan lanjut dengan syarikat-syarikat pembekal vaksin yang telah diluluskan pendaftaran vaksin dos penggalak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]
TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju dengan cadangan bekas Menteri Abdul Rahman Dahlan yang mencadangkan agar pendatang asing tanpa izin (PATI) divaksinasi dahulu sebelum diusir keluar dari negara? Apakah strategi penvaksinan untuk PATI tanpa apa-apa dokumen sah di Sabah dan seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan menyasarkan 80% daripada populasi dewasa negara yang mana termasuklah populasi bukan warganegara yang menetap di negara ini.

Bagi pelaksanaan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV), MOSTI menerusi CITF telah mengeluarkan Garis Panduan Vaksinasi terhadap Bukan Warganegara. Pada masa ini, pelaksanaan vaksinasi bagi bukan warganegara yang berdaftar dalam sistem MySejahtera masih melalui

NO. SOALAN : 60

penetapan temu janji namun usaha *mopping up* baki penerima yang masih belum mendapat vaksinasi, program *walk-in* termasuk di kalangan bukan warganegara yang tidak berdokumen telah dilaksanakan di kebanyakan negeri di seluruh Malaysia.

Sehingga 11 Oktober 2021, seramai 2.96 juta penduduk dewasa bukan warganegara di Malaysia telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin manakala seramai 2.23 juta penduduk dewasa bukan warganegara telah menerima dos vaksin yang lengkap.

Daripada jumlah bukan warganegara ini, seramai 556,897 penduduk dewasa di Sabah telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin manakala seramai 306,593 penduduk dewasa di Sabah telah lengkap dos.

Mengenai vaksinasi terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) supaya divaksinasi dahulu sebelum diusir keluar negara, Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan sedang dan masih melaksanakan program vaksinasi kepada banduan dan tahanan depoh imigresen bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]
TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perkembangan terbaru pemberian vaksin negeri Sabah dan nyatakan daripada jumlah penerima vaksin berapakah penerima vaksin yang bukan warganegara dan yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan apakah inisiatif Kementerian untuk mengelakkan kepadatan penerima vaksin secara 'walk in' di pusat PPV di Sabah seperti yang ditularkan baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 11 Oktober 2021, pelaksanaan vaksinasi di Sabah mencapai 73.5% populasi dewasa menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin manakala 65.6% populasi dewasa telah lengkap dos vaksin.

NO. SOALAN : 61

Bagi vaksinasi bukan warganegara di Sabah, sehingga 11 Oktober 2021, seramai 556,897 orang dewasa di Sabah telah menerima sekurang-kurangnya satu dos manakala seramai 306,593 orang dewasa di Sabah telah lengkap dos.

Bagi menjawab persoalan mengenai pelan kontigensi bagi mengawal isu kesesakan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang mana MOSTI sedar dan akui bahawa perkara ini pernah terjadi di Sabah.

Untuk itu, apabila CITF mengesan kesesakan luar biasa berlaku di sesebuah PPV, siasatan akan dilaksanakan dengan serta merta bagi mengenal pasti punca dan perkara ini akan diselesaikan pada kadar segera. Antara tindakan yang dilaksanakan termasuklah memastikan penerima vaksin tidak hadir terlalu awal secara beramai-ramai atau dalam kumpulan yang besar.

Sekiranya sesebuah PPV mempunyai limitasi ruang yang terhad, maka lokasi baharu akan dikenal pasti dan pengoperasiannya akan dipindahkan ke lokasi yang lebih luas pada kadar segera. Selain itu, bilangan petugas akan ditambah bagi membantu pengawalseliaan pergerakan penerima vaksin di lokasi tersebut dan memastikan bekalan vaksin mencukupi.

Sekian, terima kasih.